



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/06/54 (HQ)

### TNB BAIKI RUMAH MILIK CHEONG SWEE SANG BAWAH PROJEK MESRA RAKYAT

Kehidupan Encik Cheong Swee Sang@Cheong Swee Heng, 60 tahun, kini lebih selesa, setelah Tenaga Nasional Berhad (TNB) membaik pulih kediamannya di Kuala Ampang, Kuala Lumpur menerusi Projek Mesra Rakyat Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016.

Melalui Projek Mesra Rakyat TNB, rumahnya yang usang kini telah dibaik pulih lengkap dengan dinding rumah yang baru, siling baru, tandas dan dapur yang baru. Di samping itu, turut dilaksanakan ialah kerja-kerja mengecat semula dinding luar dan dalam rumah serta menggantikan kesemua kayu bumbung yang telah reput kepada yang baru.

Rumah Encik Cheong Swee Sang@Cheong Swee Heng yang siap dibaiki dirasmikan hari ini oleh Yang diPertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Abd.Hamid Hussain.

Pengurus Besar (Kuala Lumpur), Dato' Ir.Lim Yew Soon dalam ucapannya berkata Projek Mesra Rakyat adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediaman golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya calon-calon India dan Cina terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Untuk tahun 2016, Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diperuntukkan dua (2) buah rumah untuk di baik pulih. Setakat ini dua (2) orang penerima yang layak telah dikenal pasti iaitu masing-masing satu (1) di Kuala Ampang, Ampang dan Puan Saraswaty A/L Suppiah di Kampung Pandan, Kuala Lumpur.

**Dikeluarkan di Ampang, Kuala Lumpur pada 2 Jun 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)*

*[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*